

**MAKLUMBALAS KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**LAPORAN AKHBAR BERITA HARIAN 1 OGOS 2014**  
**"KERJA LEBAR JALAN JEJAS REZEKI PENIAGA"**

Kementerian Kerja Raya (KKR) merujuk kepada laporan akhbar Berita Harian bertajuk **"Kerja Lebarkan Jalan Jejias Rezeki Peniaga"** yang disiarkan di dalam ruangan ini bertarikh 1 Ogos 2014. Adalah dimaklumkan bahawa, hasil semakan Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Johor, projek pelebaran jalan seperti yang dinyatakan adalah bukan projek selian JKR. Projek tersebut adalah projek swasta yang melibatkan kerja pembinaan jalan susur ke kilang berangka keluli yang baru dibangunkan di atas tanah persendirian di Lot 2667-2670 Mukim Hulu Sungai Sedili Besar (Batu 6, Jalan Mawai), Daerah Kota Tinggi Johor. Pembinaan jalan susur ke kilang adalah merupakan sebahagian daripada syarat yang dikenakan terhadap pemilik kilang tersebut dan telah mendapat kelulusan Jawatankuasa untuk Pelan Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan (JKTJP).

Hasil semakan JKR Negeri Johor juga mendapati, sebahagian gerai-gerai buah-buahan tersebut didirikan di atas bahu jalan ( di dalam rizab Jalan Persekutuan) serta tidak mendapat kelulusan kerajaan.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**KEMENTERIAN KERJA RAYA**